

**NO. SOALAN: 350**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN  
[ BANDAR KUCHING ]**

**RUJUKAN : 7675**

**SOALAN:**

Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan lanjutan yang telah atau akan diambil atas laporan polis No. Kota Samarahan/0005642/14 bertarikh 17 Oktober 2014 di mana seorang anggota PDRM, Inspektor Yusri telah dituduh terlibat dalam rasuah.

**JAWAPAN:**

PDRM mengambil pendekatan tiada tolak ansur ke atas warganya yang melakukan kesalahan tatatertib, salah gunakuasa, rasuah, terlibat dalam kes jenayah dan dadah bagi memastikan amalan disiplin yang tinggi dipatuhi. Mana-mana anggota yang didapati melakukan apa-apa pelanggaran peraturan, tindakan tatatertib yang tegas akan dikenakan terhadap mereka.

Berkaitan laporan polis Kota Samarahan repot 5642/2014 bertarikh 17 Oktober 2014, siasatan polis menjurus kepada tohmahan yang menyatakan pegawai polis berkenaan telah membuat tawaran kepada pengadu untuk menarik balik repot yang dibuatnya berkaitan tangkapan yang dibuat oleh pengadu. Pihak polis masih meneruskan siasatan dan akan dirujuk ke Pejabat Timbalan Pendakwaraya Sarawak untuk nasihat dan pandangan.